

KEKANGAN PEMBELAJARAN ICT DI SEKOLAH LUAR BANDAR: SATU KAJIAN**MOHD JOHANIS BIN AB WAHAB****(SMK TUNKU PUTRA LANGKAWI)****MOHD NADHIR BIN AB WAHAB****(UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS)****AB WAHAB BIN MAT****(UNIVERSITI UTARA MALAYSIA)****DR MUHAMMAD NASRI BIN HJ HUSAIN****(UNIVERSITI UTARA MALAYSIA)****Abstrak**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar khususnya di luar bandar dalam pembelajaran matapelajaran ICT di sekolah, khususnya di Langkawi. Fokus diberi kepada para pelajar tentang permasalahan yang dihadapi semasa proses pembelajaran samada di sekolah mahupun di luar waktu persekolahan. Untuk mencapai objektif tersebut, satu kajian tindakan telah dijalankan selama satu bulan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Putra, Langkawi yang melibatkan pelajar tingkatan 1 di sekolah tersebut. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 60% pelajar menghadapi masalah dalam pembelajaran matapelajaran ICT Literacy dan memerlukan satu tindakan yang sewajarnya dalam membantu pelajar-pelajar tersebut. Beberapa cadangan telah dikemukakan untuk mengatasi masalah tersebut.

Pendahuluan

Tugas utama seorang pengajar atau guru adalah untuk memudahkan pembelajaran para pelajar. Untuk memenuhi tugas ini, pengajar atau guru bukan sahaja harus dapat menyediakan suasana pembelajaran yang menarik dan harmonis, tetapi mereka juga menciptakan pengajaran yang berkesan. Ini bermakna guru perlu mewujudkan suasana pembelajaran yang dapat merangsangkan minat pelajar di samping sentiasa memikirkan kebajikan dan keperluan pelajar.

Dalam sesi pembelajaran, guru kerap berhadapan dengan pelajar yang berbeza dari segi kebolehan mereka. Hal ini memerlukan kepakaran guru dalam menentukan strategi pengajaran dan pembelajaran. Ini bermakna, guru boleh menentukan pendekatan, memilih kaedah dan menetapkan teknik-teknik tertentu yang sesuai dengan perkembangan dan kebolehan pelajar. Strategi yang dipilih itu, selain berpotensi memerangsangkan pelajar belajar secara aktif, ia juga harus mampu membantu menganalisis konsep atau idea dan berupaya menarik hati pelajar serta dapat menghasilkan pembelajaran yang bermakna.

Perlunya guru menarik perhatian pelajar dalam sesuatu pengajaran, aktiviti-aktiviti yang dipilih hendaklah yang menarik dan mempunyai potensi yang tinggi untuk membolehkan isi pelajaran dan konsep-konsep yang diterjemahkan secara jelas. Aktiviti harus boleh mempengaruhi intelek, emosi dan minat pelajar secara berkesan.

Dalam merancang persediaan mengajar, aktiviti-aktiviti yang dipilih perlu mempunyai urutan yang baik. Ia perlu diselaraskan dengan isi kemahiran dan objektif pengajaran. Lazimnya aktiviti yang dipilih itu adalah gerak kerja yang mampu memberi sepanuh pengaruh terhadap perhatian, berupaya meningkatkan kesan terhadap intelek, ingatan, emosi, minat dan kecenderungan serta mampu membantu guru untuk menjelaskan pengajarannya.

Dalam merancang aktiviti mengajar yang berkesan dan bermakna kepada para pelajar, guru haruslah memikirkan terlebih dahulu tentang kaedah dan teknik yang akan digunakan. Pemilihan strategi secara bijaksana mampu menjamin kelicinan serta keberkesanan penyampaian sesuatu subjek atau modul.

Pernyataan Masalah

Dalam zaman serba maju dan kadar buta huruf negara yang semakin menurun, kadar celik IT di negara ini khususnya di kawasan luar bandar perlu dikecilkan. Tidak bermakna mereka ketinggalan, akan tetapi penggunaan ICT semakin menyeluruh dalam kehidupan. Carlos Rodriguez Casal (2007) menyatakan jurang antara kaya dengan miskin merupakan penghalang utama dalam proses pembelajaran ICT.

Charles B. Klasek (1972), menyatakan bahawa pengajaran guru boleh dianggap teratur sekiranya mereka dapat menggabungkan pengajarannya dengan bahan bantu mengajar. Penggunaan alat bantu mengajar (ABM) yang baik dan juga memenuhi kehendak pelajar perlu bagi memastikan proses P&P berjalan lancar dan tidak mempunyai masalah.

Anders D. Olofsson & J. Ola Lindberg (2005), pendedahan kepada guru dalam bidang ICT perlu bagi memastikan perjalanan P&P berjalan dengan lancar. Ini kerana pembelajaran ICT tidak terhad dan sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman.

Carlos Rodriguez Casal (2007), memberitahu bahawa perlunya pelaburan yang tinggi dalam bidang ICT bagi melahirkan modal insan yang cemerlang dan berwibawa selain dapat memberikan taraf hidup yang lebih baik kepada masyarakat.

Kos yang tinggi menyebabkan kekangan bagi seseorang ini mempelajari bidang ICT. Ini dinyatakan oleh Alfred Martley (2004). Kekurangan pakar teknikal akan menyebabkan penyebaran maklumat menggunakan ICT tidak berkesan serta tidak menyeluruh.

Metodologi Kajian dan Pengumpulan Data

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Putra, Langkawi, di mana ianya merupakan sebuah sekolah kategori luar bandar. Data yang diperolehi hasil daripada kaedah temubual, ujian, pemerhatian dan juga fail-fail maklumat pelajar dari pihak sekolah. Skop kajian meliputi pelajar Tingkatan 1 di sekolah berkenaan di mana hanya pelajar Tingkatan 1 sahaja yang mengambil subjek ICT Literacy bagi tujuan pengukuhan. Data-data yang diperolehi dianalisis mengikut gred dan kemampuan pelajar.

Isu 1 : Penguasaan Bahasa

Kajian dibuat di sekolah yang letaknya di kawasan luar bandar. Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Putra terletak di kawasan kepulauan Langkawi, Kedah. Dalam proses P&P, matapelajaran ICT Literacy diajar dalam Bahasa Inggeris. Ini kerana subjek ini merupakan subjek pengukuhan kepada para pelajar yang berada di tingkatan 1.

Ini kerana setiap istilah yang digunakan dalam subjek ini menggunakan perkataan Bahasa Inggeris seperti Save, Open, Close dan sebagainya. Ini merupakan asas kepada para pelajar bagi membolehkan mereka celik IT dan mereka tidak ketinggalan dalam zaman kini yang menitikberatkan penggunaan teknologi dalam kehidupan.

Dari hasil kajian yang dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian tindakan menunjukkan bahawa, sebilangan pelajar gagal menguasai Bahasa Inggeris yang digunakan dalam proses P&P. Data yang diperolehi hasil daripada soalan-soalan yang diberikan kepada pelajar tingkatan 1. Hampir 50% responden didapati gagal dalam ujian yang diberikan walaupun mereka telah diberikan nota sebelum mengambil ujian tersebut. Ditanyakan kepada pelajar punca mereka tidak dapat menjawab soalan yang diberikan, hampir 70% responden menyatakan mereka gagal menguasai Bahasa Inggeris.

Pendedahan dari peringkat sekolah rendah perlu bagi memantapkan pelajar dalam penguasaan Bahasa Inggeris di mana ianya digunakan secara meluas dalam kehidupan sekarang. Sekiranya pelajar tidak dapat menguasainya semasa peringkat sekolah rendah, maka guru perlulah lebih efektif memaikan peranan dalam membolehkan para pelajar menguasai asas Bahasa Inggeris.

Selain itu, dari aspek pemerhatian, didapati para guru terpaksa menggunakan Bahasa Melayu dalam proses P&P kerana pelajar tidak faham dengan istilah-istilah yang digunakan dalam Bahasa Inggeris.

Isu 2 : Peralatan Yang Digunakan

Sekolah Menengah Tunku Putra, Langkawi mempunyai sebuah makmal komputer dan juga Pusat Akses yang boleh digunakan oleh para pelajar dan juga guru. Makmal komputer ini juga digunakan oleh para pelajar dan juga guru bagi proses P&P. Akan tetapi makmal komputer yang terdapat di Sekolah Menengah Tunku Putra ini merupakan makmal komputer fasa pertama(1) dalam proses menginterasikan sekolah ke arah penggunaan teknologi maklumat yang optimum.

Sekolah ini mendapat kemudahan makmal komputer pada tahun 2001 lengkap dengan komputer, talian rangkaian setempat (LAN), internet dan juga perisian bagi tujuan P&P. Akan tetapi, perisian yang disediakan untuk pihak sekolah tidak lagi sesuai pada zaman sekarang bagi tujuan P&P. Antaranya perisian bagi Operating System(OS) yang digunakan ialah jenis Window 98. Pengguna OS seperti itu tidak lagi relevan pada masa sekarang kerana pembelajaran ICT perlulah seiring dengan kehendak semasa.

Selain itu juga, penggunaan rangkaian setempat(LAN) tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh pihak sekolah disebabkan oleh kurangnya pendedahan kepada warga sekolah. Komputer-komputer juga tidak

dapat diselenggara dengan elok disebabkan oleh kos untuk “upgrade” agak mahal dari segi kosnya dan juga alat ganti yang sukar diperolehi.

Para pelajar masih lagi menggunakan disket bagi tujuan “Save” dan pada zaman sekarang penggunaan “Thumb Drive” adalah lebih relevan. Tetapi, bagi komputer yang menggunakan OS seperti Window 98, penggunaan “Thumb Drive” tidak boleh digunakan kerana OS itu tidak dapat menyokong penggunaannya.

Selain itu, proses untuk penggantian komputer-komputer lama kepada komputer yang baru dan terkini mengambil masa yang agak lama. Ini kerana setiap satu komputer yang hendak dilupuskan perlulah diteliti oleh pihak audit sebelum dilupuskan dan selepas proses itu barulah penggantian bagi komputer baru boleh dilakukan. Ini sedikit sebanyak menambah kekangan kepada para pelajar dalam proses P&P khususnya bagi subjek ICT Literacy.

Isu 3 : Taraf Hidup

Hasil data yang diperolehi, mendapati hampir 60% pendapatan ibubapa pelajar tingkatan 1 Sekolah Menengah Tunku Putra di bawah RM 1500. Kebanyakan ibubapa bekerja dalam sektor pelancongan seperti di hotel dan tidak memberikan pendapatan yang lumayan. Ada di antara mereka bekerja sebagai nelayan dan memperolehi pendapatan yang tidak menentu.

Hasil kaji selidik yang dijalankan mendapati hampir 100% pelajar yang pendapatan ibubapa mereka di bawah RM 1500 tidak mempunyai komputer di rumah. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak mendapat pendedahan yang cukup dalam proses mempelajari penggunaan ICT.

Pelajar ini hanya menggunakan komputer di sekolah dan penggunaan komputer hanya terhad disebabkan oleh kekangan seperti makmal digunakan oleh guru bagi proses P&P subjek lain dan jadual bagi pembelajaran subjek ICT Literacy hanya seminggu sekali dan hanya berjalan selama 1 jam.

Ini memberikan kekangan kepada pelajar sekiranya mereka ingin mempelajari apa yang mereka belajar semasa proses P&P di sekolah khususnya bagi subjek ICT Literacy. Di rumah para pelajar yang tidak mempunyai komputer akan menyebabkan mereka ketinggalan dari banyak aspek seperti, kemahiran, bahasa, kreativiti dan juga inovasi. Latihan yang diberikan oleh guru banyak menggunakan komputer bagi meningkatkan lagi kemahiran para pelajar dalam penggunaan komputer dan juga secara tidak langsung dapat meningkatkan budaya celik IT di negara.

Isu 4 : Ponteng

Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Putra Langkawi mempunyai hampir 1800 pelajar secara keseluruhannya. Disebabkan oleh penggunaan bilik darjah yang terhad, maka sekolah ini dibahagikan kepada 2 sesi iaitu pagi dan petang. Sesi pagi bermula dari jam 7.30 pagi hingga 1.10 petang, manakala sesi petang bermula dari pukul 1.10 petang hingga 6.30 petang.

Untuk sesi pagi pelajar yang terlibat adalah pelajar tingkatan 3, 4, 5, 6 Rendah dan 6 Atas, manakala bagi sesi petang ialah pelajar tingkatan 1 dan 2. Bagi pembelajaran subjek ICT Literacy, yang hanya melibatkan pelajar tingkatan 1, waktu sesi mereka bermula pada pukul 11.00 pagi dan hanya seminggu sekali sahaja mereka perlu datang awal ke sekolah.

Kebanyakan pelajar datang ke sekolah dengan menggunakan perkhidmatan bas, di mana jadual perjalanan adalah tetap. Ini akan mendatangkan masalah kepada pelajar sekiranya mereka perlu datang lebih awal ke sekolah bagi menghadiri kelas ICT Literacy. Ada juga di antara pelajar tidak datang untuk proses P&P subjek ini kerana melepak bersama rakan-rakan yang lain sebelum waktu persekolahan sebenar bermula.

Sekiranya pelajar tidak mengikuti atau terlepas satu kelas, ini akan mendatangkan masalah kepada mereka kerana setiap minggu dalam proses P&P modul yang digunakan adalah berbeza dan pelajar perlu mengetahui modul sebelumnya, sebelum mengikuti proses P&P yang baru. Setiap modul yang diajar semasa proses P&P adalah dari aras bawah dan akan berterusan ke aras yang lebih tinggi.

Selain itu, data juga menunjukkan pelajar lelaki lebih cenderung untuk ponteng berbanding dengan pelajar perempuan. Sekiranya pelajar ponteng atau tidak menghadiri ke kelas, proses P&P bagi subjek ini akan terbantut.

Perbincangan

Pembelajaran menggunakan ICT amatlah perlu bagi memantapkan modal insan para pelajar di zaman serba moden ini khususnya bagi pelajar luar bandar. Ini merupakan satu cabaran yang besar bagi para pelajar, ibubapa dan juga para guru. Dalam menyediakan modal insan yang terbaik bagi generasi yang akan datang, setiap individu perlu memainkan peranan dalam hal masing-masing. Penggunaan teknik-teknik dan teori boleh digunakan bagi meningkatkan kemahiran para pelajar. Menurut (Hartley & Davies, 1978) beberapa prinsip-prinsip teori tingkahlaku yang banyak diterapkan di dunia pendidikan meliputi proses belajar dapat berlaku dengan baik bila pelajar ikut dengan aktif didalamnya dan bahan pelajaran disusun dalam urutan yang logik supaya pelajar dapat dengan mudah mempelajarinya dan dapat memberikan respon tertentu.

Penggunaan peralatan yang baik dan terkini yakni dapat membantu pelajar dalam membuat tugas yang baik. Menurut Gagne, Briggs & Wager (1992) terdapat sembilan elemen utama untuk sesuatu pengajaran iaitu menarik perhatian, menyatakan objektif pelajaran, merangsang proses mengingat semula kandungan lepas, bahan-bahan yang boleh menimbulkan rangsangan pelajar, memberikan bimbingan, tugas dan

soalan, membuat penilaian tahap penguasaan pelajar serta mengekal dan mengembangkan pengetahuan dan kemahiran pelajar. Setiap alat bantuan mengajar yang digunakan (ABM), hendaklah perlu menarik minat perhatian pelajar serta yang terkini agar para pelajar sentiasa didedahkan dengan perkembangan terbaru tentang teknologi. Pepatah Confucius menyatakan bahawa “sebuah gambar mampu menggantikan seribu perkataan”. Grafik merupakan blok pembangunan utama dalam pembangunan multimedia. (Vilamil-Casanova & Molina 1997). Oleh itu guru perlu kreatif dalam mencorak para pelajar untuk menguasai bidang ICT khususnya di sekolah sebagai bekalan untuk hari esok.

Setiap tahun kerajaan mengeluarkan perbelanjaan yang besar bagi memajukan bidang sains dan teknologi khususnya yang melibatkan bidang pendidikan. Ini bagi memastikan rakyat di negara ini tidak ketinggalan dalam aspek ICT serta dapat menjadikan negara ini sebuah negara yang berdaya saing. Ini bermula dengan peringkat awal lagi iaitu bermula dengan para pelajar di sekolah. Dalam melahirkan modal insan yang sempurna, setiap pelajar perlu menguasai ilmu yang dipelajari dengan sewajarnya. Pembelajaran ICT Literacy hanyalah satu asas dan permulaan yang penting bagi setiap pelajar dalam menguasai 2 aspek yang penting iaitu Bahasa Inggeris dan juga ICT itu sendiri.

Kesimpulan dan Cadangan

Hasil dari kajian tersebut, beberapa kesimpulan dan cadangan kepada pihak sekolah dalam melakukan beberapa perkara berikut :

- a) Memberikan pendedahan yang secukupnya kepada guru-guru bagi memantapkan lagi proses P&P khususnya bagi subjek ICT Literacy. Pihak sekolah boleh menghantar guru-guru untuk belajar tentang perkara-perkara yang baru mengenai ICT dan tidak berharap pihak seperti kementerian untuk memanggil para guru untuk berkursus.
- b) Perlunya pendedahan secara terus menerus kepada para pelajar dalam bidang ICT, tidak hanya melibatkan pelajar di tingkatan 1 sahaja.
- c) Penyediaan ABM yang mencukupi, terkini dan relevan.
- d) Pihak pentabiran sekolah perlu mewujudkan satu budaya ICT yang menyeluruh tidak hanya kepada guru malah pelajar sekolah sendiri. Sebagai contoh pihak sekolah menggalakkan penggunaan komputer dalam penyediaan latihan untuk pelajar. Penggunaan rangkaian setempat (LAN) perlu dioptimumkan dalam persekitaran sekolah.
- e) Mengambil tindakan tegas terhadap para pelajar yang ponteng atau tidak hadir ke sekolah bagi sesi awal persekolahan bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam proses P&P.

Rujukan

Anni Koubek and Maria Jandl, Diversified use of ICT in education (2000)

Carlos Rodriguez Casal, ICT for education and development (2007)

Alfred Martey, ICT in Distance Education in Ghana (2004)

Peter Williams, Hamid R. Jamali and David Nicholas, Using ICT with people with special education needs: what the literature tells us (2005)

Anders D. Olofsson and J. Ola Lindberg, Assumptions about participating in teacher education through the use of ICT (2005)

<http://ilyasak.blogspot.com/2008/11/teori-dan-strategi-pengajaran.html>